

### **Tafsiran air dua kolah dan musta'kmal.**

Mengikut tafsiran Islam Jamaah, pada umumnya yang dimaksudkan air dua kolah itu tiada sukatan yang sebenarnya. terpulang kepada seseorang itu untuk membuat sukatan. jika ia berpendapat sukatanya satu baldi maka itulah sukatan yang sebenarnya. Manakala tafsiran Air Musta'kmal pula ialah 'air bertakung yang sudah bercampur najis manusia'.

### **Sembelihan**

Mengenai sembelihan, kumpulan Islam Jamaah telah menetapkan bahawa mana-mana binatang yang mati dalam kawasan atau perkampungan orang Islam ia tidak perlu disembelih dan halal dimakan.

### **Melakukan sembahyang Jumaat di rumah.**

Mereka berpendapat bahawa sembahyang Jumaat secara berjamaah di masjid itu hanyalah adat sahaja, bukannya suatu kewajipan dengan alasan

sembahyang boleh dilakukan di mana-mana sahaja. Mereka mendakwa, di dalam Al Quran (surah al-Jumu'ah) terdapat ayat yang menyebutkan kita hendaklah mengingati Allah s.w.t. tetapi tidak pula disuruh mendirikan sembahyang Jumaat.

### **KEPUTUSAN FATWA**

Ajaran dan amalan Islam Jamaah didapati menyeleweng daripada ajaran Islam yang sebenar. Oleh yang demikian, orang Islam adalah dilarang mengamalkan ajaran tersebut.

Orang-orang Islam yang telah mengambil ijazah dan mengamalkan ajaran Islam Jamaah di mana-mana jua hendaklah segera bertaubat serta memohon keampunan kepada Allah S.W.T.

Ajaran Islam Jamaah telah diwartakan sebagai ajaran

salah / sesat pada 24 September 1998.



# **AJARAN ISLAM JAMAAH**

Diterbitkan oleh:

**JABATAN MUFTI NEGERI SELANGOR**

Aras 7 & 8, Menara Utama, Bangunan Sultan Idris Shah

40000 Shah Alam, Selangor Darul Ehsan

Tel: 03-5514 3738@Faks: 03-5519 7584

e-mail: mufti\_sel@selangor.gov.my

web: mufti.selangor.gov.my



## AJARAN ISLAM JAMAAH

### LATAR BELAKANG

Ajaran ini mula diperkenalkan di Jawa Timur, Indonesia pada tahun 1941. Kumpulan ini dikenali dengan pelbagai nama seperti :

- > Darul Hadis dan Jamaah di Kediri.
- > Yayasan Pondok Jamaah di Kediri, Jawa Timur pada tahun 1967.
- > Yayasan Pondok Pesantre Nasional, Jakarta.
- > Jamaah Islam Murni di Gunung Kidul, Yogyakarta.
- > Islam Haqiqi di Jawa Barat.
- > Muhammadiyah.
- > Islam Jamaah.
- > Islam Manqul.
- > Islam Muri.
- > Jamaah Pengajian Al Hadis.
- > Jamaah Amirul Mukminin.
- > Jamaah Hidayah.
- > Yayasan Pendidikan Islam Jamaah

Ajaran ini diasaskan oleh Hj. Nurhasan Al-Ubaidah Lubis. Nama sebenar beliau ialah Mohd. Madigol bin Hj. Abd. Aziz dan menggelarkan dirinya Amirul Mukminin. Nama Al-Ubaidah diambil sempena nama guru beliau. Manakala Lubis bermaksud luar biasa.

Beliau dilahirkan pada tahun 1948, di Desa Bangi. Papar Kediri, Jawa Timur. Mendapat pendidikan awal di Pondok Kecil Sewelo, dan meneruskan pengajian di tempat-tempat lain.

### CIRI-CIRI KESALAHAN

#### Sumpah taat setia (Bai'ah).

Setiap pengikut perlu berbai'ah dengan Hj. Nurhasan atau wakilnya dan meyakini beliau sebagai Amirul Mukminin.

#### Mendakwa hanya kumpulan-nya sahaja yang Islam.

Menurut Hj. Nurhasan bahawa

mana-mana orang yang telah memasuki Islam Jamaah telah menjadi Islam yang sebenar manakala orang lain dianggap kafir. Ini berdasarkan apa yang diperkatakan oleh Khalifah Umar ibnu Khattab yang berbunyi:

لا اسلام الا بالجماعة ولا جماعة الا بالامارة  
ولا امامة الا بالبيعة ولا بيعة الا بالطاعة

Mereka menterjemahkannya dengan maksud berikut:

*'Tidak Islam kecuali berjamaah (Islam Jamaah), tidak berjamaah kecuali berAmir, tidak berAmir kecuali berbai'ah dan tidak berbai'ah kecuali harus taat (kepada Amir).'*

#### Amir sebagai sumber hukum.

Menurut kumpulan Islam Jamaah, Amir adalah sumber hukum. Oleh itu, Amir akan menentukan segala-galanya ke atas pengikut seperti perkahwinan, perceraian dan sebagainya. Jika anak ingin

berkahwin perlu mendapat izin Amir. Poligami dilarang di kalangan pengikut kecuali kepada Amir sahaja.

#### Menolak sumber hukum Ijma' dan Qias.

Mereka tidak menerima Ilmu Fiqah dan Usul Fiqh kerana dianggap Bid'ah Dholalah. Hadis Nabi yang diriwayatkan oleh Bukhari dan Muslim ditolak. Hadis yang diterima hanya hadis yang diterima secara silsilah guru, Imam dan Amirul Mukminin mereka sahaja (Hj. Nurhasan Al-Ubaidah).

#### Najis mughallazah tidak perlu samak.

Sekiranya memegang anjing atau babi mahupun dalam keadaan basah tidak perlu disamak, kerana mereka menganggapnya tidak najis. Tulang babi juga tidak haram atau najis kerana di dalam Al-Quran menyebutkan hanya daging babi sahaja.